

06 MAY 2002
Myanmar-Razali/I
RAZALI GEMBIRA SUU KYI DIBEBASKAN

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Wakil Khas Bangsa-bangsa Bersatu ke Myanmar Tan Sri Razali Ismail berkata beliau gembira ketua pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi, telah dibebaskan daripada tahanan rumah semalam.

Langkah itu amat penting ke arah demokrasi dan pembetulan kerajaan berperlembagaan, katanya kepada pemberita ketika ditemui di Suria KLCC hari ini.

"Ia bukannya soal konsesi," kata Razali sambil mengucapkan tahniah kepada kerajaan Myanmar kerana membebaskan Suu Kyi selepas dikenakan tahanan rumah selama 19 bulan.

Katanya beliau yakin Suu Kyi mampu memainkan peranan selaku pemimpin Liga Kebangsaan bagi Demokrasi dan bekerjasama dengan kerajaan ke arah mencapai demokrasi dan kerajaan berperlembagaan.

Razali berkata pembebasan itu memang menjadi haknya dan hakikat ini perlu diakui.

"Kita juga perlu mengiktiraf komitmen kerajaan Myanmar yang jelas mahu melangkah daripada sebuah kerajaan tentera kepada kerajaan awam yang berperlembagaan," katanya.

Mereka telah mengambil masa yang lama menyelesaikan perkara ini, dan mereka kini mereka telah menanganinya dan perlu diberi sokongan, kata Razali, bekas Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu, yang dilantik oleh Setiausaha Agung PBB Kofi Annan untuk menyelesaikan kebuntuan di Myanmar itu.

Razali berkata beliau berpendapat Suu Kyi tidak dikenakan sebarang sekatan oleh junta tentera, dan yakin lebih ramai tahanan politik akan dibebaskan untuk mengambil bahagian dalam proses politik di Myanmar.

"Dengan adanya perasaan muhibah dan hasrat yang jelas di semua pihak, pilihan raya di Myanmar mungkin diadakan dalam tempoh dua atau tiga tahun," kata Razali.

Beliau berharap Asean akan memainkan peranan lebih besar dalam proses perdamaian di Myanmar dan tidak menyerahkannya kepada Malaysia atau Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA
SMO AZZ MAI